



UCAPAN DASAR PRESIDEN PAS

YB TAN SRI DATO' SERI TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

PENYELESAIAN ISLAM MENGISI KEMENANGAN



**MUKTAMAR TAHUNAN
PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS)
KALI KE-72**

4 & 5 SEPTEMBER 2026
PUSAT TARBIAH ISLAMIAH KELANTAN (PUTIK)

ISI KANDUNGAN

A. MUQADDIMAH	3
B. TEMA MUKTAMAR: PENYELESAIAN ISLAM MENGISI KEMENANGAN	5
C. AGENDA MENGISI KEMENANGAN	9
a. Membina Negara Berkeadilan	9
b. Wawasan Induk Negara Sejahtera	11
c. Polisi Umum (Kerangka Manifesto PRU-16)	14
i. Politik - Integriti, Keadilan, Kestabilan	14
ii. Ekonomi – Kemakmuran, Pengagihan, Penciptaan Nilai	16
iii. Sosial – Pendidikan, Kesihatan, Kebajikan	18
v. Masyarakat Majmuk – Piagam Jaminan Hak Bukan Islam	19
iv. Antarabangsa – Dasar Luar Berdaulat dan Bermaruah	21
D. AGENDA BERTINDAK MENUJU PRU-16	24
a. Memimpin Agenda Penyatuan Ummah	24
b. Mempertahankan Kemenangan (SG4) – Negeri Model	25
c. Memperluas Kemenangan – Negeri Sasaran	26
d. Penguasaan Segmen Pengundi – Ulama, Pemuda, Muslimat, DHPP	26
e. Pengukuhan Tarbiah dan Organisasi – Tunjang Kekuatan Parti	27
f. Jentera Pilihan Raya dan Penerangan – Menuju Kemenangan	28
g. Dakwah dan Kebajikan – Berimpak Tinggi	29
E. PENUTUP	29

**UCAPAN DASAR PRESIDEN PAS
MUKTAMAR TAHUNAN
PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS)
1448 H / 2026 M**

“PENYELESAIAN ISLAM MENGISI KEMENANGAN”

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي أكرمنا بنعمة الإسلام وفضلنا على كثير من الأمم. والصلاة والسلام
على رسول الله وعلى آله وأصحابه ومن والاه.

Yang Dihormati Tuan Pengerusi Tetap;

Sahibul Fadilah Mursyidul ‘Am, Timbalan Mursyidul ‘Am, dan
Ahli-Ahli Majlis Syura Ulamak;

Yang Dihormati Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden,
Setiausaha Agung, Ketua Dewan Ulamak, Pemuda, Muslimat,
As-Sabiqun, dan DHPP;

Yang Dikasihi Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dan seluruh
Pesuruhjaya PAS Negeri-Negeri;

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat
Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat, dan Ahli Dewan
Undangan Negeri;

Yang Diraikan Para Tetamu, Dif Kehormat, Delegasi Luar
Negara, serta Petugas Media;

Yang Berusaha Jawatankuasa Panitia Mukhtamar dan Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan sebagai Tuan Rumah;

Seterusnya para Perwakilan dan Pemerhati yang dikasihi sekalian.

A. MUQADDIMAH

Saya ucapkan “*Ahlan Wa Sahlan Wa Marhaban Bikum*”, Selamat Datang, dan Selamat Bermuktamar kepada semua perwakilan, pemerhati, dan tetamu yang hadir bagi memeriahkan Mukhtamar Tahunan PAS kali ke-72 yang diadakan di Negeri Kelantan Darul Naim.

*Tok Janggut pahlawan Kelantan,
Teguh berjuang demi kebenaran,
Kita bermuktamar di bumi Kelantan,
Teguhkan Islam menuju kemenangan.*

Pada muktamar yang lalu, kita memperingatkan bahawa Islam ialah penyelesaian berpandukan hidayah Allah dan keyakinan bahawa Islam ialah al-Din yang sempurna, tidak sama dengan agama lain dan ideologi ciptaan manusia. Firman Allah:

... الْيَوْمَ يَبَسُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَحْشَوْهُمْ
وَأَخْشَوْنَ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ
نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ...

“...Pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa untuk (mengalahkan) agama kamu, sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada-Ku. Pada hari ini, telah Aku sempurnakan untuk kamu agama kamu, telah Aku cukupkan kepada kamu ni‘mat-Ku, dan telah Aku redhai Islam itu menjadi agama bagi kamu...”

Surah al-Ma'idah: 3

Alhamdulillah, PAS telah dikurniakan pertolongan (*nusrah*) daripada Allah, memenangi 43 kerusi parlimen, 149 kerusi DUN dan mentadbir 4 buah negeri, di samping melebarkan pengaruh di beberapa negeri pantai barat dan selatan tanah air.

Kini, kita berkewajipan mengisi kemenangan sekadar kemampuan yang dicapai, walaupun tidak berjaya sepenuhnya. Cabarannya jauh lebih besar daripada mencapai kemenangan.

Maka, Muktamar PAS yang diadakan pada hari ini ialah muktamar terpenting sebelum menghadapi PRU-16. Muktamar yang akan menegaskan hala tuju PAS, mempersiapkan parti untuk mengisi kemenangan, seterusnya mengorak langkah ke tahap yang lebih tinggi.

B. TEMA MUKTAMAR: PENYELESAIAN ISLAM MENGISI KEMENANGAN

Pada muktamar ini, kita mengangkat tema, “**PENYELESAIAN ISLAM MENGISI KEMENANGAN**”, berpandukan firman Allah:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ
وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ
خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ
ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥٥﴾

*“Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang soleh bahawa Dia sungguh-sungguh akan **menjadikan mereka berkuasa** di muka bumi sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang sebelum mereka berkuasa, dan Dia sungguh-sungguh akan **meneguhkan bagi mereka agama (al-din)** yang telah diredhainya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka sesudah mereka dalam ketakutan **menjadi aman sentosa**. Mereka tetap menyembahku-Ku dengan tiada mempersekutukan sesuatu apa pun dengan Aku. Dan sesiapa yang (tetap) kufur sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasiq.”*

Dalam ayat ini, Allah menyebut janji-janji kemenangan kepada kumpulan Islam yang beramal soleh yang berjuang menegakkan Islam:

1. ***Istikhlaf* (Kuasa Memimpin):** Allah berjanji memberikan kuasa mentadbir dan memimpin bumi kepada penganut Islam.
2. ***Tamkin* (Agama Diteguhkan):** Allah akan memenangkan Islam berdaulat atau berkuasa dan mengukuhkan kedudukan agama Islam dan umatnya.
3. ***Al-Amn* (Keamanan):** Allah akan menukarkan perasaan takut kepada rasa aman sentosa apabila syariat Islam yang adil kepada semua dilaksanakan dengan sempurna, berkonsepkan amar ma'ruf nahi munkar.

Allah SWT juga menegaskan dalam beberapa ayat lain bahawa kemenangan itu datang daripada-Nya dengan syarat-syarat tertentu mengikut peraturan dan sunnah yang tetap. Dia yang menentukan bila terlaksananya kemenangan, di mana, bagaimana, dan dalam tangan siapa.

Oleh itu, PAS sebagai satu mata rantai perjuangan Islam akan terus berusaha memenuhi ciri-ciri kumpulan Islam mengikut firman Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

“Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma’ruf, dan mencegah daripada yang mungkar; merekalah orang-orang yang beruntung.”

Surah Ali ‘Imran: 104

Ini adalah selaras dan menepati dengan Perlembagaan PAS;

Tujuan PAS Fasal 5 (1) – Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah.

Usaha-usaha PAS Fasal 6 –

- (1) Menyeru umat manusia kepada Syari’at Allah dan Sunnah RasulNya melalui dakwah secara lisan, tulisan dan amalan.
- (2) Memperjuangkan Islam sebagai aqidah dan syari’at serta menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan bernegara serta memperkenalkan nilai-nilai kelslaman dalam usaha menegakkan keadilan dan kemajuan di segenap bidang termasuk pemerintahan dan pentadbiran, ekonomi dan sosial serta pelajaran dan pendidikan.
- (3) Memupuk dan memperkuat ukhuwah Islamiyah dan menyuburkan rasa perpaduan di kalangan rakyat bagi memelihara kehidupan politik dan masyarakat yang sihat dan berkebakikan.

24 TAHUN TEMA MUKTAMAR PAS



C. AGENDA MENGISI KEMENANGAN

Allah SWT berfirman:

الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ
وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

“Iaitu mereka yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat ma’ruf dan mencegah daripada perbuatan yang mungkar. Dan kepada Allah jualah kembali segala urusan.”

Surah al-Hajj: 41

Berpandukan ayat di atas, maka PAS menawarkan kerangka bernegara dalam masyarakat majmuk mengikut acuan Islam.

a. Membina Negara Berkeadilan

Kemenangan yang membawa kepada tanggungjawab memimpin (*istikhlaf*), bukanlah ruang untuk bermegah dengan kekuasaan (*tamkin*). Sebaliknya, kuasa pemerintahan ialah wasilah untuk memakmurkan bumi berpandukan petunjuk Allah SWT.

Berbekalkan pengalaman dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan pengalaman mentadbir kerajaan negeri, PAS telah melalui proses yang memberikan kematangan dalam memahami realiti pemerintahan. Atas asas inilah, PAS mengemukakan konsep **“Negara Berkeadilan”**.

Negara Berkebajikan ialah sebuah negara yang pemerintahannya berpandukan petunjuk Allah SWT, berteraskan iman dan taqwa serta ditegakkan atas prinsip keadilan kepada semua. Kebajikan dilaksanakan secara menyeluruh dalam aspek politik, ekonomi dan sosial bagi mewujudkan kesejahteraan serta keberkatan hidup di dunia sehingga akhirat.

Konsep ini juga meletakkan kebajikan sebagai tanggungjawab bersama antara pemerintah dengan rakyat. Keluarga, masyarakat, persatuan, syarikat dan institusi hendaklah digerakkan untuk berlumba-lumba melakukan kebajikan, dengan didukung oleh sistem pemerintahan yang cekap, adil dan memberikan manfaat kepada semua.

Negara Berkebajikan bukan '*welfare state*' yang mengukur kebajikan melalui bantuan kebendaan kerajaan semata-mata. Sebaliknya, ia menyepadukan pembangunan material dengan pembangunan insan secara menyeluruh meliputi jasad, akal dan roh, sehingga terbentuk masyarakat yang sejahtera, bertanggungjawab dan saling berkebajikan.

Allah SWT berfirman:

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ
وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ
وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ ...

“Kebajikan itu bukanlah menghadapkan wajahmu ke timur dan ke barat, tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, Hari Kemudian, para malaikat, kitab-kitab dan para nabi; dan memberikan harta yang dicintainya kepada kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang miskin...”

Surah al-Baqarah: 177

Ayat ini menunjukkan bahawa kebajikan dalam Islam mempunyai pengertian yang luas dengan menghubungkan iman dengan amal, ibadat dengan tanggungjawab sosial, hubungan manusia dengan Allah dan hubungan sesama manusia.

Pembangunan negara juga mesti dinilai melalui pembinaan manusia, kekuatan institusi, keadilan sosial, keharmonian masyarakat serta kesejahteraan kehidupan rakyat.

b. Wawasan Induk Negara Sejahtera

Bagi merealisasikan konsep Negara Berkeadilan, maka PAS mengemukakan “Wawasan Induk Negara Sejahtera 2051” atau singkatannya “WINS 2051”.

WINS 2051 ialah sebuah pelan induk jangka panjang bagi menggariskan kerangka bernegara berteraskan Islam sebagai panduan dalam pentadbiran, penggubalan dasar dan pembangunan secara berfasa sehingga tahun 2051.

Pemilihan tahun 2051 mempunyai makna yang tersendiri kerana menandakan satu abad penubuhan PAS sejak tahun 1951, dan bersempena muktamar pada tahun ini kita mengadakan Sambutan 75 Tahun PAS.

Pada peringkat Fasa 1 (Pemulihan Negara), penekanan diberikan untuk menyelesaikan permasalahan utama negara, disusuli usaha untuk mengangkat Malaysia sebagai “Negara Model” dalam Fasa 2, seterusnya memposisikan Malaysia sebagai “Negara Memimpin” di peringkat antarabangsa dalam Fasa 3.

Dalam tempoh terdekat ini, WINS akan dikemas kini dengan menggariskan pelan tindakan yang lebih terperinci bersama penanda aras yang lebih jelas untuk mengukur pencapaian. PAS akan bekerjasama dengan kalangan ilmuwan, profesional dan teknokrat untuk mengemas kini WINS, seterusnya mencari pendekatan terbaik untuk melaksanakannya pasca-PRU-16.

Manakala di peringkat negeri, beberapa pelan induk jangka panjang telah dirangka sebagai panduan tadbir urus dan pembangunan negeri, antaranya Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) di Kelantan, Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS) di Terengganu, Pelan Strategik *The Greater Kedah* di Kedah, serta yang terbaharu, Pelan Strategik Ekonomi dan Pembangunan Insan untuk Selangor Mampan (EHSAN) di Selangor.

WAWASAN INDUK NEGARA SEJAHTERA 2051

WINS 2051

Wawasan Induk Negara Sejahtera 2051

FASA 1:
Pemulihan
Negara



FASA 2:
Negara
Model



FASA 3:
Negara
Memimpin



POLISI UMUM (KERANGKA MANIFESTO PRU-16)



Politik:
Integriti, Keadilan, Kestabilan



Ekonomi:
Kemakmuran, Pengagihan, Penciptaan Nilai



Sosial:
Pendidikan, Kesihatan, Kebajikan



Masyarakat Majmuk:
Piagam Jaminan Hak Bukan Islam



Antarabangsa:
Dasar Luar Berdaulat dan Bermaruah

c. Polisi Umum (Kerangka Manifesto PRU-16)

Dalam menterjemahkan kerangka tersebut kepada keperluan Malaysia pada hari ini, kita memberikan tumpuan kepada lima tonggak utama:

i. Politik – Integriti, Keadilan, Kestabilan

Dikisahkan suatu peristiwa pada zaman Rasulullah SAW apabila seorang wanita daripada kalangan bangsawan disabitkan kesalahan mencuri. Setelah kesalahannya terbukti, hukuman hudud ditetapkan terhadapnya. Namun, beberapa orang daripada kalangan bangsawan cuba merayu kepada Rasulullah SAW agar hukuman tersebut tidak dilaksanakan kerana wanita itu berasal daripada keluarga yang berkedudukan dan dihormati dalam masyarakat.

Usamah bin Zaid RA kemudiannya diminta untuk menyampaikan rayuan tersebut kepada Baginda SAW kerana kedudukannya yang dekat dan sangat dikasihi oleh Rasulullah SAW. Namun, Baginda SAW menunjukkan kemurkaan terhadap permintaan tersebut, lalu bersabda:

أَتَشْفَعُ فِي حَدٍّ مِنْ حُدُودِ اللَّهِ!

“Adakah kamu meminta syafaat (tolong membebaskan) dalam perkara hukum hudud yang telah ditetapkan oleh Allah?”

Kemudian, Rasulullah SAW terus ke masjid, bangkit berdiri dan bersabda:

فَإِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ أَنَّهُمْ كَانُوا إِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الشَّرِيفُ
تَرْكُوهُ، وَإِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الضَّعِيفُ أَقَامُوا عَلَيْهِ الْحَدَّ، وَإِنِّي وَالَّذِي
نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ يَدَهَا.

“Sesungguhnya telah dibinasakan umat terdahulu daripada kamu, berlakunya apabila seorang bangsawan daripada kalangan mereka melakukan kesalahan mencuri, mereka bebaskan tanpa hukuman. Dan apabila seorang yang lemah daripada kalangan mereka mencuri, mereka jatuhkan hukuman hudud terhadapnya. Demi Allah, kalaulah Fatimah binti Muhammad (puteri kesayanganku) mencuri, nescaya aku (menghukumnya dengan) memotong tangannya.”

Hadis riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Hudud wa Ma Yuhzar min al-Hudud, no. 6788 dan Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Hudud, no. 1688, daripada ‘Aishah binti Abi Bakar

Inilah contoh politik Islam yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sebagai teladan, iaitu politik berintegriti yang menegakkan kedaulatan undang-undang, menjamin keadilan serta menolak sebarang campur tangan berkepentingan dalam proses menguatkuasaan.

Malangnya di Malaysia, isu rasuah sering dijadikan modal politik untuk menjatuhkan lawan, bukan sebagai kemungkaran yang wajib dicegah. Keadaan ini berlaku apabila tindakan diambil secara terpilih terhadap pihak lawan, sedangkan salah laku dalam kalangan sendiri dibiarkan, sama ada melibatkan penerima rasuah, pemberi rasuah mahupun perantara yang mengatur urusan rasuah.

Tidak dinafikan berlakunya kepincangan dalam pengurusan dana awam dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), yang amat kita kesali, dan perlu dibawa ke mahkamah apabila cukup bukti, bukannya dibicarakan di media ataupun di pentas politik, apatah lagi menjadi bahan kempen pilihan raya untuk mencipta persepsi buruk seperti isu RCI Tabung Haji.

Lebih membimbangkan, kedudukan Islam dan umatnya berada dalam keadaan paling berbahaya apabila berada dalam pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang dikuasai oleh kumpulan bukan Islam dan menjadi ancaman kepada maqasid al-syarī'ah. Maka, tindakan bertujuan menolak kemudaratan yang besar hendaklah diutamakan. Kaedah menyebut:

دَرْءُ الْمَفَاسِدِ أَوْلَى مِنْ جَلْبِ الْمَصَالِحِ.

“Menolak keburukan yang banyak lebih diutamakan daripada menarik kemaslahatan.”

Kaedah ini merupakan satu pendekatan daripada fiqah Islam, siasah syar'iyah (pengurusan atau tadbir urus pelaksanaan syariat), dan maqasid al-syarī'ah (hikmah atau tujuan hukum syariat), yang termasuk dalam aspek tafaquh (pemahaman yang betul) daripada urusan al-din (Islam). Apabila menghadapi bahaya yang lebih besar dan akibatnya yang lebih parah, maka hendaklah mendahulukan langkah penolakan bahaya tersebut.

ii. Ekonomi – Kemakmuran, Pengagihan, Penciptaan Nilai

Islam meletakkan kegiatan ekonomi sebagai sebahagian daripada kewajiban memakmurkan bumi. Kekayaan negara tidak boleh hanya bertambah pada angka, tetapi mesti memberikan manfaat kepada rakyat secara adil dan meluas. Kitaran ekonomi pula hendaklah berpaksikan nilai kekeluargaan dan kesejahteraan hidup rakyat.

Atas prinsip ini, pertumbuhan ekonomi mesti dirasakan oleh segenap lapisan rakyat melalui peningkatan pendapatan, peluang pekerjaan yang bertambah, kos kehidupan yang lebih terkawal dan pengagihan hasil pembangunan yang lebih adil.

Jurang antara kaya dengan miskin, bandar dengan luar bandar serta antara wilayah perlu dikecilkan supaya kemakmuran tidak hanya dinikmati oleh kelompok atau kawasan tertentu.

Allah SWT berfirman:

... كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةٌ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ ...

“...Supaya harta itu tidak hanya beredar antara orang kaya sahaja dalam kalangan kamu...”

Surah al-Hashr: 7

Ekonomi yang mahu dibangunkan mestilah ekonomi yang mencipta nilai, bukan sekadar bergantung pada penggunaan dan sumber yang sedia ada. Sektor strategik, perusahaan tempatan, industri halal dan pekerjaan bernilai tinggi perlu diperkasakan supaya negara mempunyai asas ekonomi yang lebih kukuh dan berdaya saing.

Pada masa sama, aspek keterjaminan tenaga, air dan makanan hendaklah dilihat sebagai sebahagian daripada kedaulatan negara.

Terpenting, kewangan negara hendaklah diurus secara bertanggungjawab melalui disiplin fiskal bagi mengelakkan berulangnya amalan ketirisan, pembaziran dan salah guna kuasa.

iii. Sosial – Pendidikan, Kesihatan, Kebajikan

Pembangunan negara tidak akan sempurna sekiranya kita hanya membina kebendaan, tetapi mengabaikan pembangunan manusia. Islam membangunkan manusia secara menyeluruh merangkumi jasad, akal dan roh supaya lahir insan yang berilmu, berakhlak dan mampu memikul tanggungjawab kehidupan.

Allah SWT berfirman:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ
وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ ...

“Dialah yang telah mengutus dalam kalangan orang yang Ummiyyin seorang Rasul daripada bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah, menyucikan mereka serta mengajari mereka Kitab dan Hikmah...”

Surah al-Jumu‘ah: 2

Maka, pembangunan insan mesti menyatukan ilmu, iman, akhlak, kemahiran dan kemampuan menghadapi perubahan zaman.

Dunia sedang memasuki zaman teknologi yang mampu mengubah cara manusia belajar, bekerja dan membuat keputusan. Anak muda mesti dipersiapkan bukan sekadar untuk menggunakan teknologi, bahkan untuk mencipta, menguasai dan memimpin teknologi.

Pada masa sama, institusi keluarga dan kekuatan masyarakat mesti terus diperkukuh. Inilah model pembangunan insan dan kesejahteraan rakyat yang mahu dibina.

iv. Masyarakat Majmuk – Piagam Jaminan Hak Bukan Islam

Perasaan sayang kepada keluarga dan bangsa adalah sifat fitrah manusia yang tidak boleh dihapuskan. Namun, Islam mengharamkan asabiyyah (fanatik perkauman atau kebangsaan).

Maka, Islam mewajibkan umatnya berlaku adil kepada semua manusia daripada pelbagai bangsa dan agama. Adil itu bukan sahaja kepada semua dalam satu negara yang terdiri daripada rakyat masyarakat majmuk, bahkan termasuk musuh di medan perang. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۚ وَلَا
يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى اَلَّا تَعْدِلُوْا اَعْدِلُوْا هُوَ اَقْرَبُ
لِلتَّقْوٰى ۚ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿٨﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil! Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa-apa yang kamu kerjakan.”

Surah al-Ma'idah: 8

Ini dibuktikan oleh sejarah pemerintahan Islam, antaranya kisah Khalifah 'Ali bin Abi Talib RA menuduh seorang bukan Islam mencuri baju besinya yang berharga pada zaman itu. Apabila anaknya sendiri dilantik menjadi saksi, maka hakim Syuraih al-Qadhi menolak tuduhannya. Peristiwa itu berakhir dengan Yahudi tersebut mengaku bahawa sebenarnya baju besi itu kepunyaan Khalifah dan mengiktiraf keadilan Islam yang sebenar.

Percayalah bahawa hanya Islam yang sempurna, adil dan rahmat dapat menyatukan masyarakat majmuk dengan harmoni dan selamat. Maka, inilah komitmen (piagam) yang akan terus dipegang oleh PAS sebagai suatu janji kepada rakyat bukan Islam:

- I. Islam mendahulukan perdamaian dan persaudaraan tanpa paksaan dalam beragama;
- II. Islam mewajibkan adil kepada semua;
- III. Islam menghormati hak kebebasan beragama;
- IV. Saling menjaga sensitiviti pelbagai kaum dan agama dalam negara.

v. Antarabangsa – Dasar Luar Berdaulat dan Bermaruah

Seluruh dunia menyaksikan kezaliman dan keganasan paling melampau yang dilakukan oleh Zionis Israel terhadap rakyat Palestin. Peperangan yang dilancarkan ini bukan sekadar bertujuan menzalimi rakyat Palestin, bahkan bertujuan untuk mencapai cita-cita Zionis melakar peta baharu Asia Barat dan merealisasikan gagasan ‘Israel Raya’.

Dalam keadaan tersebut, Iran tampil memberikan dukungan kepada perjuangan rakyat Palestin yang majoritinya bermazhab Sunni. Maka, Amerika Syarikat dan Israel melancarkan perang terhadap Iran yang mendapat kecaman masyarakat antarabangsa kerana mencabuli prinsip keadilan, undang-undang serta Piagam PBB. Kesan konflik ini turut dirasakan oleh seluruh dunia apabila ketegangan di Selat Hormuz memberi tekanan kepada perdagangan, bekalan tenaga dan ekonomi global.

Umat Islam perlu mengambil iktibar bahawa ancaman ini tidak mengenal perbezaan bangsa, negara mahupun mazhab. Apabila kepentingan dan kekuatan umat Islam menjadi sasaran, perbezaan dalaman sesama kita tidak lagi menjadi pertimbangan musuh. Justeru, umat Islam wajib memperkukuh kesatuan, mempertahankan hak dan kedaulatan bersama serta tidak membiarkan perbezaan mazhab dan sempadan negara memecah-belahkan kekuatan umat.

Firman Allah SWT:

وَمَا نَقْمُوا مِنْهُمْ إِلَّا أَنْ يُؤْمِنُوا بِاللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ﴿٨﴾

“Dan mereka tidak menyiksa orang-orang Mukmin itu melainkan kerana orang-orang Mukmin itu beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji.”

Surah al-Buruj: 8

Dalam hubungan antarabangsa, PAS berpendirian bahawa Kerajaan perlu lebih berhati-hati dan bersikap tegas dengan sikap berkecuali, tidak mengizinkan rantau Asia Tenggara sekali lagi menjadi medan perang kuasa besar yang bertarung atau menjadi proksi kepada mana-mana pihak. Kepentingan negara dan keselamatan rantau mesti menjadi pertimbangan utama dalam setiap keputusan dasar luar.

Malaysia mesti mempunyai dasar luar yang berprinsip, bebas dan berdaulat tanpa menjadi alat kepada mana-mana kuasa besar dunia. Islam mengajar supaya hubungan antara negara dibina atas keadilan, kepentingan bersama dan kerjasama dalam perkara yang membawa kebaikan.

PAS akan terus memberikan perhatian terhadap masalah umat Islam yang ditindas di seluruh penjuru dunia. PAS juga meletakkan keutamaan untuk menjadi penggerak bagi mengangkat agenda penyatuan ummah di rantau Asia Tenggara dan dunia Islam.

AGENDA BERTINDAK MENUJU PRU-16



1. Memimpin Agenda Penyatuan Ummah



2. Mempertahankan Kemenangan (SG4) Negeri Model



3. Memperluas Kemenangan Negeri Sasaran



4. Penguasaan Segmen Pengundi Ulama, Pemuda, Muslimat, DHPP



5. Pengukuhan Tarbiah dan Organisasi Tunjang Kekuatan Parti



**AGENDA
BERTINDAK
MENUJU
PRU-16**

6. Jentera Pilihan Raya dan Penerangan Menuju Kemenangan



7. Dakwah dan Kebajikan Berimpak Tinggi

D. AGENDA BERTINDAK MENUJU PRU-16

Bagi memenuhi prasyarat kemenangan menuju PRU-16, saya mengarahkan seluruh jentera parti mengambil langkah-langkah strategik seperti berikut:

a. Memimpin Agenda Penyatuan Ummah

Firman Allah:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ
وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

“...Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat seksa-Nya.”

Surah al-Ma'idah: 2

PAS berkewajipan mengambil langkah politik yang berhikmah untuk menyatukan Melayu Islam dan bukan Islam yang tidak ekstrem sebagai sebuah masyarakat majmuk di Malaysia.

PAS berpegang pada Islam dan tidak pernah mengkhianati sesiapa dalam mana-mana perjanjian. PAS berjanji dengan hukum Islam dan membatalkan janji juga dengan hukum Islam.

Perpaduan umat Islam mesti terus diperkukuh kerana perpecahan hanya melemahkan kemampuan umat menjaga agama, rakyat dan negara. Pada masa sama, perpaduan ummah tidak bererti menafikan hak masyarakat bukan Islam.

Usaha memperkukuh perpaduan umat hendaklah berjalan bersama jaminan keadilan kepada masyarakat bukan Islam dan penghormatan kepada kebebasan beragama dalam kerangka Perlembagaan.

PAS bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam perkara yang membawa kebaikan kepada negara tanpa menggadaikan dasar dan prinsip perjuangan. Usaha penyatuan ini bukan sekadar di peringkat nasional, bahkan turut disambut di peringkat negeri, kawasan dan cawangan-cawangan.

b. Mempertahankan Kemenangan (SG4) – Negeri Model

Setiap kerusi DUN dan Parlimen yang telah dimenangi dalam PRU-15 wajib dipertahankan, manakala Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis (SG4) sebagai ‘Negeri Pangkalan’ mesti terus dikekalkan penguasaannya, diperkukuh pentadbirannya serta dilaksanakan agenda Islam mengikut bidang kuasa negeri.

Segala pencapaian dan prestasi cemerlang yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri hendaklah disampaikan kepada rakyat dan pengundi melalui mesej yang jelas dan cepat, terutamanya menangkis serangan fitnah yang dilemparkan serta mengutamakan penyelesaian terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kebajikan rakyat.

c. Memperluas Kemenangan – Negeri Sasaran

Kita bersyukur atas kejayaan melahirkan ‘anak sulung’ PAS di Sabah serta menambah bilangan kerusi dan memperluas pengaruh di Negeri Sembilan. PAS menginsafi besarnya tanggungjawab dan kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat. Keutamaan PAS ialah mengisi kemenangan melalui agenda berkeadilan, berintegriti dan adil kepada semua.

Maka, kemenangan seterusnya akan disumbangkan oleh Pahang, Perak dan Selangor, sekali gus memperkukuh kerusi PAS dan PN di peringkat Parlimen, di samping melonjakkan pencapaian di Melaka yang akan menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) tidak lama lagi.

d. Penguasaan Segmen Pengundi – Ulama, Pemuda, Muslimat, DHPP

Dalam sistem demokrasi, jumlah undi menentukan kemenangan. Maka, menarik pengundi seramai-ramainya ialah tugas utama seluruh jentera parti.

Pengundi atas pagar yang cenderung beralih sokongan (*swing voters*) sebagai undi penentu perlu ditangani secara bersasar, termasuk pengundi pertama kali (*first time voters*), pengundi muda, pengundi luar dan golongan ilmuwan.

Pemuda dan Muslimat hendaklah berupaya menguasai maklumat anak muda dan memaksimumkan keupayaan kempen media baharu bagi menyantuni mereka.

Manakala seluruh jentera PAS hendaklah bergerak untuk menembusi kawasan majoriti bukan Islam dan undi penentu di kawasan majoriti Islam, dengan membuktikan kemampuan untuk menjuarai isu-isu rakyat, tadbir urus yang baik dan memberikan khidmat kebajikan.

e. Pengukuhan Tarbiah dan Organisasi – Tunjang Kekuatan Parti

PAS menetapkan peranan Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat daripada pelbagai latar belakang dan digabungkan dengan Majlis Syura Ulamak secara kolektif (jama'i) bagi memenuhi syarat bertafaqquh bertujuan untuk mengawal dasar dan strategi parti.

Mandatnya diserahkan kepada Majlis Syura Ulamak dan PAS Pusat untuk membuat penelitian dan keputusan bagi menghadapi pilihan raya dan segala kemungkinan selepas pilihan raya, demi memastikan Islam terus memimpin.

Di samping itu, pemantapan organisasi ialah tunjang kekuatan parti yang mesti diurus dengan cara yang sebaik-baiknya menurut kaedah dan arahan pentadbiran parti pada semua peringkat, termasuklah usaha untuk menambah ahli dan cawangan.

Pada masa sama, PAS kini sedang menyaksikan gelombang kemasukan ahli baharu daripada pelbagai latar belakang. Maka, peranan tarbiah perlu dipertingkatkan dan digerakkan secara tersusun mengikut manhaj yang ditetapkan, bagi memperkukuh kefahaman tentang aqidah perjuangan PAS sebagai wadah gerakan Islam, bukan semata-mata parti politik.

f. Jentera Pilihan Raya dan Penerangan – Menuju Kemenangan

Seluruh jentera pilihan raya pada setiap peringkat perlu dipersiapkan pada tahap paling maksimum, mematuhi arahan dan tindakan yang ditetapkan oleh Jabatan Pilihan Raya bagi menghadapi PRU-16 yang boleh diadakan pada bila-bila masa.

Pemilihan calon pilihan raya hendaklah memenuhi kriteria untuk mengisi kemenangan, terutamanya memiliki sifat istiqamah dengan parti, berintegriti dan berpengaruh dalam masyarakat.

Perubahan teknologi dan platform media berubah dengan pantas, maka jentera penerangan hendaklah mengikuti perkembangan semasa bagi mendekati segmen pengundi serta mengumpulkan lebih ramai pempengaruh dan pengolah kandungan untuk menyampaikan maklumat dan pendirian parti.

Pastikan setiap naratif yang dibina sampai kepada sasaran, melalui kaedah penyampaian yang berkesan serta keupayaan menjawab dan menerangkan setiap isu dengan pantas, tepat dan meyakinkan.

g. Dakwah dan Kebajikan – Berimpak Tinggi

Seluruh jentera parti hendaklah digerakkan bagi menarik sokongan rakyat dengan apa jua cara melalui gerak kerja dakwah, kebajikan, dan kemasyarakatan yang berhubung dengan lapisan rakyat, termasuk segmen pengguna, pekerja, mahasiswa, petani dan nelayan.

E. PENUTUP

Sebagai penutup, jadikanlah muktamar sebagai medan muhasabah diri dan seluruh jentera parti, seterusnya menghayati tema muktamar **“Penyelesaian Islam Mengisi Kemenangan”** sebagai hala tuju tindakan pada setiap peringkat.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan muktamar, khususnya Panitia Muktamar yang dikendalikan oleh pasukan Setiausaha Agung dan Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan, termasuklah kejayaan melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan-Kawasan, Dewan-Dewan dan Cawangan-Cawangan dengan penuh tertib.

Marilah kita memperkukuh saf perjuangan dengan penuh ketaatan dan beristiqamah, seterusnya melebarkan pengaruh parti dalam masyarakat melalui usaha dakwah, kebajikan dan penyatuan ummah. Semoga segala usaha ini diterima oleh Allah SWT sebagai amal yang soleh.

Dengan ini, saya merasmikan Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-72 dengan menyebut sabda Rasulullah SAW:

سِيرُوا عَلَى بَرَكَةِ اللَّهِ
اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

“PENYELESAIAN ISLAM MENGISI KEMENANGAN”

**ABDUL HADI AWANG
PRESIDEN PAS**

1448 H / 2026 M



PENYELESAIAN ISLAM MENGISI KEMENANGAN

TGHH

Abdul Hadi Awang